

**SOALAN NO. 16**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**

**MESYUARAT KETIGA, DEWAN RAKYAT**

**PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN KETIGA BELAS**

**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' JOHARI BIN ABDUL**

**TARIKH : 10 NOVEMBER 2016 (KHAMIS)**

**SOALAN :**

Dato' Johari Bin Abdul [ Sg Petani ] minta MenteriPembangunan Wanita,Keluarga dan Masyarakat menyatakan berapakah jumlah bayi luar nikah dilahirkan dalam masa 10 tahun dari 2005 hingga 2015. Berikan pecahan mengikut negeri. Apakah tindakan jangka pendek dan panjang Kerajaan bagi menyelesaikan masalah kelahiran luar nikah ini dan apakah status ini di sisi undang-undang sivil.

**JAWAPAN:** **YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI**  
**PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN**  
**MASYARAKAT**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat melalui agensi Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) tidak mempunyai data khusus bagi kelahiran luar nikah, kes pembuangan bayi, mengandung bawah umur, penderaan dan kehamilan luar nikah kerana LPPKN lebih fokus kepada program-program berbentuk intervensi/pencegahan iaitu memberi pengetahuan dan kemahiran pendidikan kekeluargaan dan keibubapaan serta program berkaitan kesihatan reproduktif dan seksualiti kepada remaja, keluarga dan masyarakat.

Berdasarkan kepada takrifan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), anak luar nikah merujuk kepada anak tak sah taraf. Statistik bilangan pendaftaran kelahiran anak tak sah taraf dari tahun 2005 hingga 2015 adalah seramai 532,158 bayi. Bilangan mengikut negeri adalah seperti di Lampiran. Manakala bilangan kes pembuangan bayi yang telah dilaporkan oleh PDRM dari tahun 2010 hingga 2015 adalah sebanyak 526 bayi.

Menurut Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), bilangan kes kehamilan remaja **belum berkahwin** bagi tahun 2012 hingga 2015 adalah seramai 16,270. Berdasarkan Statistik Remaja Hamil Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) 2012-2015, statistik remaja hamil berumur 10 hingga 19 tahun di tiga negeri teratas ialah Sarawak (5,246 orang), Johor (2,427 orang) dan Selangor (1,603 orang).

Justeru, Dasar dan Pelan Tindakan Kesihatan Reproductif dan Sosial Kebangsaan (PEKERTI) 2009, dihasilkan bertujuan melahirkan individu yang berpengetahuan dan mempunyai sikap positif dalam bidang kesihatan reproduktif dan sosial. Melalui dasar dan pelan tindakan ini, telah dilaksanakan program seperti berikut :

**a) PUSAT REMAJA kafe@TEEN**

Di bawah Program PEKERTI, LPPKN telah mendirikan 16 buah Pusat Remaja kafe@TEEN di sepuluh buah negeri iaitu Kedah, Pulau Pinang, W.P Kuala Lumpur, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Pahang, Kelantan, Sarawak dan Sabah. Konsep Pusat Remaja kafe@TEEN adalah mesra remaja dan bertujuan untuk meningkatkan akses kepada maklumat serta perkhidmatan kesihatan reproduktif dalam kalangan remaja yang berumur 13-24 tahun. Pusat Remaja kafe@TEEN juga menawarkan perkhidmatan kesihatan, khidmat kaunseling psikososial serta program pendidikan dan pembangunan kemahiran (*skills building*) untuk golongan remaja. Sejak penubuhannya pada 2006 sehingga Jun 2016, sebanyak 344,093 remaja telah mengambil bahagian dalam program-program

pendidikan dan pembangunan kemahiran manakala 21,233 remaja telah mendapatkan perkhidmatan kesihatan reproduktif.

### **b) PROGRAM PEKERTI@PLKN**

Selaras dengan pelaksanaan dasar ini juga, Majlis Latihan Khidmat Negara telah bersetuju dengan cadangan KPWKM supaya PEKERTI dilaksanakan di PLKN. Seramai hampir 1,303 orang jurulatih PLKN telah diberi latihan sebagai persediaan untuk sesi pengajaran. Berdasarkan hasil penilaian pra dan pasca ujian program latihan PEKERTI bagi jurulatih yang telah dijalankan, didapati hampir 95.0 peratus jurulatih bersedia untuk mengajar modul berkenaan. Sehubungan itu, sesi pengajaran Modul PEKERTI kepada pelatih PLKN telah dimulakan pada 15 hingga 16 Jun 2011 dan sehingga tahun 2015, seramai 267,121 pelatih PLKN telah mendapat manfaat daripada program ini.

### **c) PROGRAM PEKERTI@Sekolah**

Cadangan kepada Kementerian Pelajaran Malaysia(KPM) telah dikemukakan untuk melaksanakan program pendidikan kesihatan reproduktif dan sosial (PEKERTI) dan telah mendapat kelulusan Mesyuarat Profesional KPM pada bulan Februari 2012. Pada tahun tersebut, program rintis PEKERTI telah dijalankan kepada pelajar pendidikan khas, pelajar darjah 6 serta pelajar tingkatan 3. Seramai 683 orang guru telah diberikan latihan bermula tahun 2012 hingga

2015. Hasilnya, seramai 10,025 orang pelajar dari 141 buah sekolah yang mendapat manfaat daripada program ini.

**d) PROGRAM PEKERTI@Institut**

Pada tahun 2015, Program PEKERTI di sebar luas kepada pelajar Kolej Komuniti melalui perlaksanaan Program Rintis PEKERTI@Institut. Seramai 31 orang pensyarah dari 14 buah Kolej Komuniti seluruh Sabah dan Sarawak telah terlibat dalam Bengkel Kejurulatihan Modul PEKERTI. Hasilnya, seramai 334 orang pelajar Kolej Komuniti telah mendapat pengetahuan dan kemahiran untuk menghindari dan mengurangkan tingkahlaku seksual yang berisiko yang boleh mengakibatkan kehamilan yang tidak dirancang, penyakit jangkitan seksual dan jangkitan HIV.

**e) PEKERTI@IPGM**

LPPKN telah bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia melalui Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) pada tahun 2014 untuk melatih para pensyarah IPGM seluruh Malaysia bagi melaksanakan program PEKERTI@IPGM kepada bakal guru sekolah rendah. Program ini bertujuan untuk memberi pendedahan dan pengetahuan berkaitan kesihatan reproduktif dan sosial kepada bakal guru Pendidikan Jasmani dan Kesihatan. Pengetahuan dan kemahiran ini akan dapat membantu guru ini kelak di dalam pengajaran dan pembelajaran subjek kesihatan reproduktif di

sekolah. Sehingga Oktober 2015 seramai 2,118 orang pensyarah dan bakal guru Pendidikan Jasmani dan Kesihatan daripada 25 buah IPGM telah mengikuti program PEKERTI@IPGM ini.

#### **f) PEKERTI@KOMUNITI**

Program pendidikan kesihatan reproduktif kepada golongan berisiko tinggi turut diperluaskan pada tahun 2014 untuk merangkumi penghuni institusi JKM seperti Sekolah Tunas Bakti (STB), Taman Seri Puteri (TSP), Rumah Kanak-kanak (RKK), Asrama Akhlak, pelajar sekolah berasrama penuh (SBP), remaja dan ibu bapa di kawasan Program Perumahan Rakyat (PPR), pemimpin komuniti seperti Rukun Tetangga. Usaha ini merupakan bagi pencegahan awal kepada golongan berisiko tinggi. Secara keseluruhan sebanyak 55 program telah dijalankan sepanjang tahun 2014 hingga Disember 2015 yang melibatkan seramai 2,257 peserta dari kalangan remaja dan ibu bapa. Bagi tahun 2016 bermula Januari hingga Ogos, LPPKN telah melaksanakan sebanyak 46 program yang melibatkan 2,339 remaja dan 12 program yang melibatkan 736 ibu bapa.

Disamping melaksanakan beberapa program berbentuk pencegahan, KPWKM melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) juga telah menyediakan Rumah Perlindungan kepada kanak-kanak dan wanita yang hamil luar nikah. Institusi di bawah JKM yang menyediakan perlindungan untuk golongan tersebut adalah di Taman Seri Puteri (TSP) sebanyak 4 buah untuk kanak-kanak perempuan yang hamil

luar nikah berusia di bawah 18 tahun. Manakala Pusat Jagaan Sinar Kasih (PJSK) sebanyak 2 buah disediakan untuk perlindungan kepada wanita hamil luar nikah yang berusia 18 tahun ke atas. Sehubungan itu, mana-mana wanita yang hamil luar nikah dan memerlukan perlindungan boleh mendapatkan pelindungan melalui Pejabat Kebajikan masyarakat Daerah di seluruh negara. Selain institusi JKM, Sekolah Harapan untuk remaja hamil di Melaka telah ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri Melaka melalui Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM) pada 17 September 2010.

Kementerian percaya dengan segala langkah dan inisiatif yang diambil secara bersama di antara agensi Kerajaan, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan komuniti masyarakat dapat membendung fenomena tingkah laku seksual tidak sihat dalam kalangan remaja, seterusnya dapat membendung peningkatan kes bayi dilahirkan luar nikah di Malaysia. Golongan remaja atau golongan muda diberi fokus khusus dalam perkara ini kerana mereka dianggap sebagai golongan yang *vulnerable*, iaitu mudah terdedah kepada tingkah laku seksual yang kurang sihat kerana secara semulajadi berlakunya perkembangan seksualiti yang pesat dan kurang matang dari sudut mental dan emosi. Dengan pendedahan maklumat yang betul dan latihan pembangunan kemahiran diri yang bersesuaian bermula dari awal remaja lagi, golongan muda dapat diperkasakan dengan pengetahuan dan kemahiran bagi membantu mereka dalam membuat pilihan serta keputusan yang bijak berhubung kesihatanreproduktif dan seksual remaja, seterusnya dapat membendung peningkatan bilangan kelahiran luar nikah di Malaysia.

**SOALAN NO. 17**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DATUK HAJI SHABUDIN  
BIN YAHAYA [ TASEK GELUGOR ]**

**TARIKH : 10 NOVEMBER 2016**

**SOALAN :**

**YB Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [ Tasek Gelugor ] minta PERDANA MENTERI menyatakan jumlah golongan belia yang berstatus individu muflis di Malaysia setakat ini dan apakah langkah langkah yang diambil Kerajaan bagi membantu mereka untuk bebas dari status muflis.**

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, rekod Jabatan Insolvensi Malaysia (Mdl) menunjukkan bahawa 95,799 individu diisyiharkan bankrap sejak tahun 2012 sehingga bulan Ogos 2016. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 23,366 orang adalah golongan belia yang berumur di bawah 34 tahun.

Kerajaan peka akan fenomena tersebut yang berpunca akibat perancangan kewangan yang lemah dan kurangnya pengetahuan mengenai pengurusan kewangan yang menjadi faktor utama masalah beban keberhutangan golongan belia.

Justeru, bagi membendung masalah tersebut, Kerajaan telah melaksanakan pelbagai program bagi mewujudkan kesedaran masyarakat tentang insolvensi terutama melibatkan golongan belia. Kerajaan juga telah melaksanakan program bersama rakyat (*outreach programme*) bagi menyampaikan maklumat, memberikan pendidikan dan mewujudkan kesedaran dalam kalangan belia. Program ini termasuklah taklimat kebankrapan kepada agensi-agensi awam dan swasta.

Selain daripada itu, *outreach programme* dengan kerjasama Kementerian Belia dan Sukan serta Kementerian Pengajian Tinggi melibatkan institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan institusi pengajian tinggi swasta (IPTS)

akan dipergiatkan bagi menerangkan implikasi kebankrapan lantaran perancangan kewangan yang lemah.

Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), iaitu sebuah agensi di bawah Bank Negara Malaysia turut mengadakan program-program memberi kesedaran mengenai kebankrapan terutamanya implikasi kebankrapan kepada semua golongan supaya masalah ini dapat ditangani di peringkat awal lagi.

Mdl turut membantu dalam aspek pentadbiran kes kebankrapan supaya bankrap boleh keluar daripada kebankrapan dengan cepat dan diberi peluang kedua. Pada masa kini, Akta Kebankrapan 1967 [Akta 360] telah memperuntukkan empat (4) kaedah atau cara bagaimana seseorang bankrap untuk keluar dari kebankrapannya iaitu:

- (i) pelepasan oleh mahkamah di bawah seksyen 33 Akta 360;
- (ii) pelepasan melalui sijil Ketua Pengarah Insolvensi di bawah seksyen 33A Akta 360;
- (iii) pembatalan di bawah seksyen 105 Akta 360; dan
- (iv) komposisi (*composition*) atau skim penyusunan (*scheme of arrangement*) hutang di bawah seksyen 26 Akta 360.

Kerajaan berhasrat untuk memperkenalkan beberapa peruntukan alternatif (melalui pindaan Akta 360) sebelum perintah kebankrapan diberikan oleh mahkamah yang mana penghutang diberi peluang menyusun semula hutang dengan kerjasama pihak pembiutang atau institusi kewangan berasaskan kerangka perundangan insolvensi seperti penyusunan

sukarela individu (*Individual Voluntary Arrangement*–IVA). Alternatif ini diharapkan dapat mengurangkan kadar kes kebankrutan di Malaysia.

Sekian, terima kasih.